

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## Rangka Dasar Gaji Progresif secara teliti, menyeluruh

### Rangka Dasar Gaji Progresif secara teliti, menyeluruh

**Kuala Lumpur:** Kaedah terbaik bagi menentukan gaji ialah melalui tawar-menawar di antara majikan dan pekerja, selain permintaan dan penawaran buruh, demikian menurut pen-

analisis.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pendidikan Pasaran (CME), Dr Carmelo Ferlito, berkata Dasar Gaji Progresif yang disarankan perlu dirangka secara teliti dan menyeluruh.

Merujuk kenyataan Menteri

Ekonomi Rafizi Ramli mengen-

ai kertas Dasar Gaji Progresif

akan dibentangkan kepada Ma-

jlis Tindakan Ekonomi Negara

(MTEN) pada Ogos 2023 untuk

mendapat panduan daripada

kepimpinan negara, Ferlito

berkata, dasar itu perlu adil dan

saksama.

"Dasar Gaji Progresif yang

disarankan perlu dirangka

secara teliti dan menyeluruh

bagi memastikan mekanisme

yang akan disempurnakan

+kelak adalah adil dan saksama

kepada semua pihak.

"Sejurus ini, saya agak

skeptikal mengenai apa yang

dipanggil gaji progresif. Pertama,

masih belum jelas cara gaji

akan diperlakukan. Kedua, me-

kanisme ini tidak mengambil

kira setiap pekerja berbeza.

"Justeru, saya percaya cara

terbaik untuk menentuan gaji

ialah tawar-menawar di antara

majikan dan pekerja, perminta-

an dan penawaran buruh," ka-

tanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Ferlito ber-

kata, terdapat beberapa panta-

ngan yang mengaitkan gaji

dengan produktiviti, menyebabkan

timbul persoalan sama

ada pekerja bersedia untuk gaji

dipotong seandainya produktivi-

ti kurang, iaitu keadaan

yang agak luar biasa.

Beliau menambah, satu faktor

yang perlu dipertimbangkan

berhubung pelaksanaan gaji

progresif ialah ganjaran un-

tuk pekerja yang menunjukkan

prestasi melebihi trend sedia

ada.

"Walaupun tidak sempurna,

rundingan disokong oleh Petun-

juk Prestasi Utama (KPI) yang

jelas masih lagi kekal sebagai

sistem terbaik (menentukan

gaji)," katanya.

Dalam kenyataannya kelma-

rin, Rafizi antara lain turut

memaklumkan, fokus Kemen-

terian Ekonomi ialah mem-

bangunkan kerangka Dasar

Gaji Progresif bersama-sama

Kementerian Sumber Manusia

untuk memastikan pertumbu-

han gaji lebih sekata dan in-

klusif.